

Dari UMSKAL ke Kota Kinabalu

► Seramai 45 pelajar IPTA sertai Kayuhan Merentas Samudera

UB 12.10.2014 B14

SERAMAI 45 orang pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dari seluruh negara menyertai program Kayuhan Merentas Samudera 2014.

Program yang julung kalinya diadakan itu dianjurkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pelepasan peserta disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), UMS, Prof. Madya Dr. Ismail Ali yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof.

Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah di pekarangan Bangunan Menara UMS Kampüs Antarabangsa Labuan (UMSKAL), pada Ahad.

Ismail berkata, UMS akan memantapkan lagi program eko kampus yang menggalakkan budaya berbasikal dalam kalangan pelajar di dalam kampus.

Katanya, Naib Canselor UMS sendiri mahu pelajar menggunakan basikal bagi mengurangkan pencemaran asap terutama ketika menghadiri kuliah dan aktiviti di dalam kampus di Kota Kinabalu, Labuan dan

Sandakan.

"UMS akan melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan pelajar menggunakan basikal di dalam kampus selaras dengan matlamat program eko kampus," katanya ketika berucap melancarkan program tersebut.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada UUM dengan sokongan padu KPM yang menjadikan UMS sebagai destinasi pertama dan UMSKAL sebagai lokasi pelancaran Kayuhan Merentas Samudera 2014.

Turut hadir, Setiausaha Bahagian Sukan, Sektor Pengajian Tinggi KPM Hazaly Jali, Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik, Pengarah Pusat Sukan UMS Mohd Asyraf Fong Abdullah dan Pengarah Pusat Sukan UUM Shafferi Rejab selaku Pengarah Projek Program Kayuhan Merentas Samudera.

Hadir sama Timbalan Pendaftar UMSKAL Zamri Mohamad Tuah dan Pegawai Belia dan Sukan UMSKAL Gabriel Moinjil.

Sementara itu Shafferi berkata, peserta yang berkayuh dari UMS Labuan



ISMAIL (tiga kiri) menerima cenderamata daripada Hazili sambil diperhatikan Murnizam (empat kanan), Asyraf (kiri) dan Shafferi (dua kanan).



ISMAIL (empat kiri) bersama Hazili (tiga kanan) melepaskan peserta program Kayuhan Merentas Samudera dari UMS Labuan ke Kota Kinabalu.

kira-kira pukul 8 pagi itu meneruskan perjalanan ke Taman Burung di Tanjung Kubong menuju ke Dataran Labuan sejauh 42 kilometer.

Pada pukul 11.30 pagi mereka menaiki feri dari Terminal Feri Kenderaan di pusat bandar menuju ke Menumbok yang mengambil masa kira-kira 1 jam setengah.

Shafferi berkata, semua peserta dan pengawal pengiring akan mengadakan program gotong-royong mengecat gelanggang serbaguna di Kampung Brunei, Membakut bagi memenuhi tanggungjawab sosial kepada masyarakat

setempat.

Katanya, melalui program itu, peserta yang pertama kali menjelaskan kaki ke Wilayah Persekutuan Labuan berpeluang menikmati keindahan pulau bebas cukai itu sambil merapatkan hubungan sesama peserta.

Beliau berkata, hasrat UUM itu sebagai pengajian bagi merapatkan hubungan antara IPTA dari Semenanjung dengan rakan-rakan mereka di Labuan, Sabah dan Sarawak.

"Melalui program itu, peserta dari Semenanjung berpeluang mengenali lebih dekat Wilayah Persekutuan

Labuan dan Sabah, " katanya ketika ditemui, kelmarin.

Shafferi berharap pelajar IPTA dari Semenanjung akan dapat mengenali dengan lebih dekat adat dan budaya masyarakat di Labuan dan Sabah.

Malah, beliau yakin dengan adanya program tersebut, pelajar tidak akan terkejut dengan budaya masyarakat tempatan apabila ditugaskan di kedua-dua wilayah berkenaan pada masa akan datang.

Selain itu, katanya, program berkenaan akan merapatkan lagi jaringan kerjasama dalam pelbagai

bidang antara KPM, UUM dan UMS.

"Kita akan mengadakan program tersebut di Semenanjung pula pada masa akan datang yang membabitkan pelajar IPTA dari Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.

Shafferi tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan program tersebut termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) IPK Labuan dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Labuan selain KPM dan pegawai teknikal dari UMS sendiri.